

# Zon penampungan sekat wabak rabies

**KUCHING** - Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak semalam memutuskan untuk mewujudkan satu zon penampungan antara Sarikei dan Sri Aman bagi mengekang penularan wabak rabies atau penyakit anjing gila ke kawasan lain di Sarawak.

Di zon itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) akan membuat pengawasan dan mengambil sampel anjing untuk ujian makmal terutama di kawasan bandar, bagi menentukan status kawasan tersebut.

"Pihak Majlis Kerajaan Tempatan di kawasan berkenaan pula akan mengambil tindakan untuk memastikan tiada anjing liar berkeliaran di kawasan seliaan mereka," menurut

sekretariat jawatankuasa itu dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pencegahan dan Pengawalan Wabak Rabies (Sarawak-Kalimantan Barat) baru-baru ini bersetuju meningkatkan kerjasama antara dua negara bagi mengekang penularan wabak itu dengan memberi penekanan kepada lima perkara.

Ia terdiri daripada usaha mewujudkan komunikasi dua hala antara JPVS dengan Dinas Kesehatan Hewan, saling bertukar maklumat berkenaan dengan wabak rabies, mewujudkan jalur imun di sempadan kedua-dua negara, melarang eksport dan import

## Kanak-kanak perempuan berusia lima tahun meninggal dunia di HUS **Rabies ragut nyawa keempat**



**KERATAN Kosmo! 18**  
Julai 2017.

haiwan, dan saling bertukar pengalaman serta latihan sekiranya perlu.

Sejak Kementerian Kesihatan mengumumkan mengenai penularan jangkitan rabies terhadap manusia di daerah Serian awal bulan ini, lima orang telah meninggal dunia akibat penyakit itu di Sarawak, dengan yang terbaru membabitkan seorang lelaki berumur 52 tahun pada 23 Julai lepas.